

**PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DI KALANGAN KAKITANGAN
PENTADBIRAN DAN PENGGUNA DEWASA PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA: SATU TINJAUAN.**

KHAIRIL KHAIZURAN BIN MOHAMED RADZI

**Penyelidikan Akademik yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Kepujian)
(Pengurusan Sistem Maklumat)**

**FAKULTI PENGAJIAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
NOVEMBER 2000.**


PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim.

Syurkur kehadrat Ilahi dengan limpah kurnianya laporan penyelidikan '*Penggunaan Teknologi Maklumat Di Kalangan Kakitangan Pentadbiran dan Pengguna Dewasa Perpustakaan Hipermedia MPSJ : Satu Tinjauan*' ini akhirnya dapat disiapkan dengan jayanya. Tempoh 3 tahun setengah dalam menuntut ilmu untuk melengkapkan kursus *Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat (Pengurusan Sistem Maklumat)*(kepujian) banyak mengajar dan memberi pengalaman yang berguna. Laporan penyelidikan ini menjadi bukti sebagai kerja terakhir yang perlu disiapkan bagi melengkapi kursus dengan sepenuhnya. Menjadi harapan agar penyelidikan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak dan sedikit sebanyak turut menyumbang kearah kemajuan pendidikan negara secara tidak langsung.

Tahniah dan terima kasih buat semua, terutama ibu saya Pn. Arbaienah Hassan yang telah memberi begitu banyak pengorbanan dan sokongan sepanjang mengikuti pengajian di UiTM. Tidak lupa kepada Dekan Fakulti Pengajian Maklumat iaitu Prof. Madya Dr. Raja Abdullah Raja Yaakob sebagai penyelia dalam memastikan kejayaan penyelidikan ini. Terima kasih juga kepada Majlis Perbandaran Subang Jaya terutamanya kakitangan Perpustakaan Hipermedia MPSJ, rakan-rakan sekuliah Mei 1997-November 2000, para pensyarah, kakitangan fakulti serta sesiapa sahaja yang telah terlibat dalam menjayakan penyelidikan ini secara tidak langsung. Semoga Allah membala jasa dan budi baik kalian.Terima kasih semuanya...

Khairil Khaizuran Mohamed Radzi
Petaling Jaya.



JUDUL	MUKA SURAT
Penghargaan	i
Isi kandungan	ii
Senarai Jadual	vi
Senarai rajah	ix
Abstrak	x

BAB SATU.

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan.	1
1.2 Latarbelakang Penyelidikan.	4
1.3 Penyataan Masalah.	6
1.4 Persoalan Penyelidikan.	7
1.5 Objektif Penyelidikan.	8
1.6 Kepentingan Penyelidikan.	9
1.7 Batasan Penyelidikan.	10

ABSTRAK

Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dengan bangganya mengistiharkan penubuhan sebuah perpustakaan awam berkonsepkan HIPERMEDIA yang menggunakan aplikasi teknologi tinggi yang berorientasikan penggunaan teknologi maklumat yang pertama seumpamanya di Malaysia untuk masyarakat ‘*Kota Idamannya*’. Perpustakaan yang dikenali sebagai Perpustakaan Hipermedia MPSJ menjadi bukti peranan yang dimainkan oleh kerajaan tempatan dalam menyediakan infrastruktur moden kearah melahirkan masyarakat bermaklumat sebagai persediaan menjelang Wawasan 2020 nanti. Penyelidikan bertajuk ‘*Penggunaan Teknologi Maklumat Di Kalangan Kakitangan Pentadbiran dan Pengguna Dewasa Perpustakaan Hipermedia Majlis Perbandaran Subang Jaya : Satu Tinjauan*’, ini dijalankan bagi meninjau sejauhmana penyediaan pusat maklumat mempengaruhi penggunaan perkhidmatan teknologi maklumat yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Tinjauan ini dilihat dari aspek tahap penggunaan teknologi maklumat, tahap kesan, tahap pengetahuan dan kesedaran; dan tahap latihan menggunakan perkhidmatan teknologi maklumat. Melalui borang soal selidik seramai 22 orang kakitangan pentadbiran dan 132 orang pengguna dewasa telah diambil sebagai responden penyelidikan. Hasilnya beberapa penemuan penting dan cadangan telah diperolehi yang boleh dijadikan panduan membantu perancangan perpustakaan pada masa akan datang.

BAB 1.

PENGENALAN.

1.1 Pendahuluan.

Perubahan paradigma daripada era revolusi perindustrian kearah era zaman maklumat kini menjadi agenda utama bagi semua pihak. Ini secara tidak langsung turut melibatkan negara kita Malaysia. Sebagai negara yang tidak mahu ketinggalan dalam mengejar kemajuan perdana zaman era maklumat ini, Malaysia telah pun melancarkan satu platform yang bakal diimplikasikan oleh seluruh dunia iaitu Multimedia Koridor Raya atau dikenali sebagai '*Multimedia Super Corridor*' (*MSC*).

Selaras dengan itu, Malaysia telahpun menyenaraikan pembentukan masyarakat bermaklumat sebagai salah satu komponen di dalam wawasan 2020. Masyarakat bermaklumat yang bakal dilahirkan merupakan masyarakat yang celik dari segi ilmu pengetahuan, kaya dengan pelbagai maklumat, peka kepada perkembangan maklumat iaitu menerima serta menyumbang kearah maklumat global.

Lantaran itu, pembentukan masyarakat bermaklumat memerlukan satu pendekatan yang menyeluruh dan bijaksana. Perlaksanaannya digerakkan dari setiap peringkat supaya masyarakat yang dilahirkan nanti turut bijaksana dalam mengawal maklumat iaitu dapat membezakan antara maklumat yang salah dan benar malah mahir memanipulasikan maklumat secara lebih efektif dan bersistematik untuk pembangunan insaniah dan